

**Larry Sng Wei Shien Presiden Parti Pekerja Sarawak**  
**Bernamea**  
**28 Mei, 2012**

SIBU, 28 Mei (Bernama) -- Bekas menteri muda Larry Sng Wei Shien pada Isnin dipilih sebagai presiden Parti Pekerja Sarawak (SWP) dalam mesyuarat agung tahunan parti itu yang julung kali diadakan.

SWP ialah parti pembangkang berpangkalan di Sarawak yang terbaru di negeri ini.

Penggerak utamanya ialah bapa Larry, Datuk Sng Chee Hua, yang juga bekas timbalan presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Pelagus serta Anggota Parlimen Julau.

Adun Pelagus George Lagong, yang menang sebagai calon bebas pada pilihan raya negeri yang lepas, dan menyertai parti itu baru-baru ini, turut dipilih sebagai timbalan presiden parti.

Dua naib presiden kanan parti itu ialah Josephine Randan Mawat, dan William Gani Bina yang juga presiden Kesatuan Guru Sarawak.

Parti itu turut memilih dua lagi naib presiden dan 14 anggota majlis tertinggi, antaranya pensyarah sambilan Ellison Ludan dan bekas pegawai kanan polis Jonathan Jalin yang disebut-sebut sebagai bakal calon parti itu masing-masing bagi kerusi Parlimen Kanowit dan Lubok Antu, menentang Datuk Aaron Dagang serta William Nyalau dari PRS.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669127>